

15 AUG 2000

Lee-Mahathir/I

LEE KUAN YEW ADAKAN PERBINCANGAN POSITIF DENGAN DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew hari ini mengadakan pertemuan dua jam dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyifatkan perbincangan mereka sebagai positif.

"Saya meluangkan masa dua jam, pada asal sepatutnya satu jam. Jika kami tidak berbincang secara positif, takkan perbincangan kami begitu panjang," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu yang berlangsung di pejabat Perdana Menteri di sini.

Lee, yang diminta mengulas mengenai hubungan dua hala, berkata kedua-dua negara berminat menyelesaikan apa juga masalah dan isu yang masih berlarutan.

"Saya berpendapat kedua-dua pihak mahu meneruskan, bermakna bahawa marilah kita atasi sebarang kesulitan," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa terdapat kesulitan dalam hubungan antara dua negara jiran itu.

"Memang ada kesulitan, marilah kita selesaikannya," katanya.

Lee berkata untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu berkenaan akan mengambil masa beberapa bulan.

"Terdapat banyak lagi perkara yang kita perlu buat," kata beliau tanpa menghuraikan mengenai isu dan masalah berkenaan.

Hubungan antara kedua-dua negara kurang baik sejak beberapa tahun lepas akibat masalah seperti lokasi kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia di republik itu dan perjanjian baru bekalan air kepada Singapura.

Ketibaan Lee di Kompleks Jabatan Perdana Menteri pada 3 petang disambut oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad.

Lee juga menandatangani buku pelawat di tingkat enam sebelum meluangkan masa selama 10 minit meninjau pemandangan Putrajaya di aras yang sama.

Beliau kemudian menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lee, 76, tiba semalam dengan kereta bersama isterinya Kwa Geok Choo serta 10 pegawai untuk lawatan empat hari.

Lawatan kerja itu adalah yang pertama sejak beliau menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Goh Chok Tong pada 1990 untuk menjadi menteri kanan.

Ia bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala selain membolehkan beliau mengikuti dengan lebih dekat kemajuan Malaysia dalam tempoh 10 tahun lepas.

-- BERNAMA

RV MK MNY HS AHH MAI